

Sejauh Manakah Kurikulum Sekolah Rendah Darjah I Hingga III Menjadi Asas yang Kukuh Sebagai Persediaan Pelajaran¹

Ghazali Bin Othman
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

This paper attempts to assess the extent to which the present primary school curriculum provides a strong foundation in the educational preparation of children in Standard I to Standard III. The review of literature indicates that very little effort has been undertaken to make a comprehensive curriculum review. This is because data on what actually transpires in the classroom is not readily available. Hence, generally, pupils' performances in public examinations have been regarded as indicators of their successful passage through a school curriculum. Curriculum factor is assumed to be constant and affects every child in the same way. Thus, variance of success in examination is explained more by other commonly known factors such as family socio-economic status, social environment, genetic composition, etc. No systematic estimation of curriculum factor explaining the variance of one's performance in public examination has been made. This paper is a preliminary, exploratory survey conducted on a sample of school teachers and principals to gather their opinion on the present primary school curriculum. Although the sample is not representative, the opinions expressed seem to reflect the general concern regarding the weaknesses of the present primary school curriculum. Teachers are basically concerned that the present curriculum is overcrowded; and children at a young age have to learn too many languages, too many topics in sciences and in arithmetic. This paper suggests that in implementing a school curriculum teachers should give consideration to individual differences. Curriculum should be more flexible so that teachers could use different methods for different pupils.

Pendahuluan

1. Konteks Masalah Ini

Baru-baru ini Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia iaitu Datuk A. Rahman Arshad telah mengumumkan bahawa Kementerian Pelajaran sedang meneliti untuk mengkaji semula kurikulum sekolah-sekolah rendah pada keseluruhannya dalam usaha untuk menyediakan asas yang kukuh kepada murid-murid untuk maju dalam pelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi (Utusan Malaysia, 8/9/79). Akhbar-akhbar lain pula telah menumpukan tumpuan kepada isu kelemahan kemahiran membaca (New Straits Times-Editorial, 1/5/1978).

2. Tajuk Penyelidikan

Sebenarnya tajuk kertas ini pada hakikatnya merupakan suatu tajuk penyelidikan. Dengan ini dimaksudkan bahawa segala macam pemberian pandangan berhubung dengan pentaksiran, dan juga rumusan yang dibuat haruslah berdasarkan kepada data-data dan maklumat-maklumat yang boleh dipercayai (reliable). Untuk mendapatkan data dan maklumat yang boleh dipercayai suatu kajian yang saintifik dan sistematis dengan menggunakan kaedah (methodology) dan ukuran-ukuran yang boleh dipercayai (reliable) dan yang sah (valid) perlulah dijalankan.

Kalau penyelidikan hendak dijalankan, maka haruslah dimulakan dengan satu masalah. Misalnya dalam penyelidikan keciciran, masalahnya haruslah kenapa ramai murid-murid tidak dapat menyambung atau menamatkan pelajaran mereka di sekolah? Setelah itu, data-data yang boleh dipercayai dan sah dengan cara pensampelan (sampling) yang teratur dan rapi perlu diperolehi. Data-data ini kemudiannya analisakan dengan menggunakan ilmu perangkaan (statistik) yang sophisticated. Kemudian disarankan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah itu.

Kertas ini akan cuba menyelesaikan suatu masalah, iaitu ia ingin mengetahui adakah kurikulum sekolah rendah darjah I hingga III itu dapat memberi asas yang kukuh sebagai persediaan pelajaran. Di dalam menghadapi topik seperti ini seorang penyelidik harus menjelaskan terlebih dahulu konsep-konsep yang tersembunyi dalam topik tersebut. Konsep-konsep itu ialah: *Kurikulum, Perubahan Amalan/Konsep Kurikulum, Asas yang kukuh, dan Persediaan pelajaran.*

3. Definasi Konsep-konsep

(a) Kurikulum

Umumnya konsep ‘kurikulum’ merangkumi segala kegiatan sekolah yang formal dan bukan-formal dan yang mempengaruhi segala proses pengebulayaan kanak-kanak. Ia merangkumi isi, alatan dan pengajaran serta kegiatan luar-darjah (extracurricular) yang mempengaruhi kegiatan pemasyarakatan kanak-kanak di sekolah. Jadi khususnya kurikulum itu merupakan bahan-bahan pengajaran dan rangka penggunaannya. Konsep pengajaran itu dimaksudkan interaksi atau hubungan tindakbalas di antara guru, murid-murid dengan mana-mana bahan tertentu yang digunakan. Jadi dalam sesuatu kurikulum itu terkandung bukan sahaja *apa* yang dipelajari oleh kanak-kanak, tetapi juga *bagaimana* mereka mempelajarinya, dan *bagaimana* guru membantu mereka belajar.

(b) Perubahan amalan/konsep kurikulum

Pada masa yang lampau, pihak guru dan sekolah terlalu sangat mementingkan apa yang diajar oleh sekolah dan sejauh manakah guru itu berkesan dalam melaksanakan tugas pengajaran bilikdarjah dengan tertibnya (teacher-centered). Pada masa akhir-akhir ini minat kita berubah pula kepada apa yang dipelajari oleh kanak-kanak, kenapa dan bagaimana mereka mempelajari sesuatu. Kurikulum moden ini lebih mementingkan tentang pengalaman pembelajaran yang dialami oleh kanak-kanak daripada kegiatan pengajaran guru. Ia memerlukan supaya guru memilih, menyusun, mengatur, dan memandu pengalaman pembelajaran untuk memenuhi keperluan pusatkan kanak-kanak (child-centered).

Pada hakikatnya adakah pihak guru benar-benar memahami bahawa kurikulum moden itu suatu yang dinamik, yang flexible, yang mudah dilentur sesuai dengan kecekapan ikhtisas guru dan selera dengan pembelajaran murid? Ataupun guru-guru masih bergantung sepenuhnya dan dengan patuhnya (rigid) kepada sukanan pelajaran yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran? Saya takut apa yang berlaku mungkin konsepnya sahaja berubah tetapi bukan fahaman dan amalannya.

(c) Asas yang kukuh

Biasanya konsep ‘kukuh’ itu membawa pengertian kuat atau teguh, kejap ataupun kemas dan yang tidak mudah roboh atau rosak. Untuk tujuan kertas ini, konsep kukuh juga membawa pengertian yang hampir sama. Dengan ini kita maksudkan bahawa kemahiran yang didapati oleh kanak-kanak itu dapat dipergunakan terus menerus untuk mendapatkan kemahiran yang selanjutnya. Dengan lain perkataan, kemahiran yang didapati oleh seseorang kanak-kanak pada suatu peringkat tidak tercincir atau luput dari dirinya dalam masa ianya mengalami pendidikan dari satu “tingkat” ke suatu “tingkat” yang lebih maju.

Konsep “*asas yang kukuh*” itu dapat dimengertikan bahawa setelah melalui darjah I, II, III, kanak-kanak itu dapat menggunakan kemahiran sekarang iaitu kemahiran yang diperolehi atau dipelajari di darjah I hingga III untuk menyediakan diri mereka bagi mempelajari dengan jayanya isi dan bahan-bahan pelajaran yang berikutnya dalam darjah IV, V, VI, dan seterusnya.

Dalam ertikata yang lain, tidak timbul atau tidak wujud kelemahan (Awang Had, 1978) yang semakin bertambah cumulative deficiency semasa ia melalui peringkat pendidikan di darjah IV, V, VI itu. Dalam keadaan ini kanak-kanak itu akan terus dapat menguasai kemahiran-kemahiran asas yang menjadi matlamat pengajaran dan kurikulum sekolah, seiringan dengan rangka sukanan yang disediakan.

(d) Persediaan Pelajaran

Apa yang dimaksudkan dengan konsep “*persediaan pelajaran*” itu ialah segala kecekapan dan kemahiran yang dicapai pada tahap darjah-darjah I, II dan III itu dapat membantu dan memudahkan kanak-kanak itu mempelajari ilmu dan kemahiran lanjutan pada darjah-darjah IV, V, VI dan tahap-tahap seterusnya dengan berkesan sekali.

Penilaian Kurikulum

1. Masalah Penilaian Kurikulum

Pengalaman yang dihadapi oleh ramai ahli-ahli penyelidik Amerika Syarikat membuktikan bahawa usaha penilaian sesuatu kurikulum itu tidak mudah dijalankan. Rosenshine (1970) telah menyatakan bahawa masalah yang besar sekali dalam membuat penilaian ialah untuk memastikan amalan pengajaran yang sebenar-benarnya berlaku dalam melaksanakan sesuatu kurikulum itu. Ini disebabkan kemahiran, sikap, kepercayaan dan disposisi seseorang guru itu sangatlah berbeza, dan mereka biasanya tidak membuat sesuatu dengan cara yang seragam walaupun diberi kurikulum yang sama. Jadi usaha menyediakan suatu kurikulum yang baik atau baru itu tidaklah berguna kalau-lah kita mengabaikan perlaksanaannya dan penilaiannya, yakni tanpa data-data yang lengkap tentang apa yang telah berlaku di bilik-bilik darjah.

Dalam membuat ringkasan tentang kelemahan penilaian kurikulum, Rosenshine menyatakan:

Currently, three major needs are: greater specification of the teaching strategies to be used with instructional materials, improved observational instruments that attended to the context of the interactions and describe classroom interactions in more appropriate units than frequency counts, and more research into the relationship between classroom events and student outcome measures (p. 296).

Namun begitu, akhir-akhir ini ada juga sedikit sebanyak kejayaan penyelidikan dalam menentukan transaction di bilikdarjah (classroom transaction) dan hubungannya dengan pencapaian kognitif, tetapi sehingga ini belum ada bukti-bukti yang nyata bahawa sesuatu kurikulum itu adalah lebih baik daripada yang lain. Walaupun ada setengah-setengah orang yakin bahawa sesuatu kurikulum itu lebih baik daripada yang lain, usaha untuk membuktikan kesan sesuatu kurikulum agak susah dijalankan. Begitulah juga mengenai kaedah pengajaran, hasil-hasil penemuan (findings) penyelidikan tidaklah begitu tekal untuk membuktikan bahawa satu kaedah itu lebih berkesan daripada kaedah yang lain. Ini disebabkan kekurangan data tentang apa yang sebenarnya berlaku di bilikdarjah.

2. Penggunaan Keputusan Peperiksaan Sebagai Penilaian

Biasanya di Malaysia, keputusan peperiksaan awam – Sijil Tinggi Persekolahan (STP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Peperiksaan Penilaian Darjah V juga digunakan sebagai penunjuk kemajuan yang dicapai oleh kanak-kanak, oleh guru-guru dan oleh sekolah-sekolah. Keputusan peperiksaan yang berorientasikan norma (norm-oriented) ini adalah kerap kali berfungsi sebagai *penilaian terakhir* (summative evaluation). Keputusan peperiksaan awam dianggap sebagai penunjuk untuk membandingkan kejayaan di antara murid-murid dan di antara sekolah-sekolah. Sekolah yang mendapat tinggi peratus kelulusan mempunyai rasa bangga dan yang rendah peratusnya bersedia menunggu kecaman dari ibubapa dan orang ramai.

Ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kejayaan di dalam peperiksaan awam ini tidak semestinya merupakan suatu kejayaan penguasaan kurikulum sebenar-benarnya. Ini disebabkan banyak sekolah berusaha memberi latihan khusus dalam bidang yang sempit dengan bertujuan supaya kanak-kanak dapat menjawab beberapa soalan peperiksaan tertentu supaya mendapat sijil yang baik tanpa pendidikan dan pelajaran yang sempurna.

Kadang-kadang kejayaan seseorang kanak-kanak di dalam peperiksaan bergantung hanya kepada sejauh manakah guru memberi latih-tubi kepada murid-murid dalam menjawab beberapa

soalan yang dijangka akan timbul (spotting) di dalam peperiksaan. Kejayaan seperti ini pernah disebut oleh ahli psikologi sebagai kejayaan kerana kemahiran *pengambilan ujian* (familiarity with test-taking skills). Kejayaan seperti ini hanya mencerminkan kemahiran test-taking tetapi tidak semestinya merupakan keupayaan kanak-kanak itu menguasai cebisan ilmu yang terkandung di dalam kurikulum sekolah. Di sebaliknya, kegagalan di dalam peperiksaan awam tidak semestinya merupakan kegagalan bagi kanak-kanak itu menguasai aspek kurikulum yang dialami di sekolah.

Mengikut Safiah Osman (1979) sistem pendidikan kita masih berteraskan peperiksaan. Guru menghadapi masalah menghabiskar sukanan pelajaran yang padat dan luas. Kerap kali kejayaan guru diukur dari berapa ramai muridnya lulus sesuatu peperiksaan. Masyarakat juga mengukur kejayaan seseorang dari kelulusan mereka. Peluang mendapat pekerjaan bergantung besar kepada keputusan peperiksaan. Katanya lagi hingga hendak disahkan dalam perjawatan kerajaan pun mesti lulus peperiksaan. Seluruh sistem pendidikan kita berpusatkan kepada peperiksaan. Akhirnya Safiah berpendapat kita melahirkan satu sistem pendidikan paksaan dan gertakan dan dengannya kita memaksa murid-murid belajar dan menghafal untuk lulus peperiksaan. Kalau mereka gagal, mereka akan terhina dan tersingkir. Pengetahuan yang diterima secara begini tidak akan kekal. Murid-murid akan lupa apa yang dipelajari setelah selesainya peperiksaan. Safiah mencadangkan supaya kita meneliti kembali sistem peperiksaan ini. Katanya kita memerlukan "satu sistem yang mengasah daya pemikiran kreatif yang terbit daripada minat supaya mereka bebas dari kekakuan dan kejihilan dan akan belajar untuk mengambil bahagian sebagai ahli dalam masyarakat secara conscious dan bertanggungjawab (Safiah, 1979).

Soalan yang berikutnya, ialah walaupun keputusan peperiksaan itu merupakan pencapaian kognitif yang sebenarnya, penyelidikan telah menunjukkan bahawa faktor *luar-sekolah* juga penting untuk menentukan pencapaian murid sekolah. Setengah daripada faktor-faktor luar-sekolah yang dimaksudkan itu ialah:

- (a) Status *sosioekonomi* keluarga kanak-kanak (seperti tuition tambahan bagi keluarga yang mampu)
- (b) *Persekutaran* atau *alam sekeliling* di mana kanak-kanak itu tinggal (seperti bandar atau kampung).

3M Sebagai Kemahiran Asas (Basic Skills)

Telah disebutkan bahawa konsep kurikulum begitu luas sekali hingga termasuk aspek-aspek yang formal seperti matapelajaran tertentu, dan juga aspek-aspek yang tidak formal iaitu aspek yang lebih tersembunyi (*hidden curriculum*). Walaupun aspek perkembangan bukan-kognitif itu juga dianggap penting, adalah menjadi kepercayaan umum bahawa kemahiran *membaca*, *menulis* dan *mengira* (3M) inilah yang menjadi asas terpenting sekali bagi sesuatu kurikulum persekolahan. Kemahiran 3M ini dianggap *kemahiran asas*, kerana kebolehan ini akan menjamin keupayaan serta kemampuan kanak-kanak terus mempelajari bidang kurikulum yang lebih luas di tahun-tahun dan tahap yang berikutnya. Andainya kurikulum darjah I, II, III gagal memupuk kemahiran 3M maka kebolehan kanak-kanak mengikut pelajaran selanjutnya akan terjejas.

Adalah menjadi kepercayaan umum juga bahawa di antara 3M ini ada hiraki dari segi kepentingan sebagai asas persediaan pelajaran. Kemahiran *membaca* dan *menulis* (bahasa) dianggap satu kemahiran yang terpenting sekali dan diikuti oleh kemahiran *mengira* (hisab). Jadi dalam usaha kita hendak menilai sejauh manakah kurikulum darjah I sampai III menjadi asas yang kukuh sebagai persediaan pelajaran, kita sebenarnya haruslah menumpukan penilaian kita kepada *aspek-aspek kemahiran asas* 3M ini terutamanya kemahiran *membaca* dan *menulis*. Tanpa kemahiran membaca dan menulis maka usaha mempelajari matapelajaran lain seperti Sains, Hisab, Kajian Tempatan, dan lain-lain akan terjejas.

Persoalan mengenai pencapaian 3M ini telah menjadi isu yang menarik minat ramai (*sensational*) melalui akhbar-akhbar. Akhbar *New Sunday Times* (30th April, 1978) telah melaporkan pengumuman yang dibuat oleh Datuk Murad mengenai dapatan suatu penyelidikan di Pulau Pinang bahawa lebih kurang 40% daripada 15,000 murid-murid darjah VI tidak dapat membaca atau membaca dengan lemahnya. Di Trengganu pula adalah dilaporkan bahawa hampir 5% daripada murid yang lulus darjah VI tidak dapat membaca (buta huruf).

Selain daripada maklumat yang dilaporkan di Pulau Pinang dan di Negeri Trengganu, kebanyak laporan hanya menerangkan bilangan ramai kanak-kanak yang tidak dapat membaca atau menguasai kemahiran 3M. Berita-berita ini hanya memaklumkan kepada kita bahawa kemungkinan suatu *wabak kelemahan ilmiah* sedang wujud; tetapi laporan-laporan ini tidak banyak menaksirkan sejauh manakah meluasnya wabak itu dan apakah sebab-sebabnya dan bagaimana hendak *mengubatinya*. Walau bagaimanapun usaha diagnostik sedang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk meninjau wabak kelemahan ini, dan sebab-sebabnya patut dicari dahulu sebelum dapat kita menyediakan ubat-ubat tertentu.

Selain daripada kajian yang dilaporkan di akhbar tanda-tanda kelemahan kurikulum sekolah rendah itu terjelma di dalam Ujian Darjah III (UDT) dan Peperiksaan Penilaian Darjah V. Seperti yang telah kita bincangkan bahawa pencapaian kognitif dalam peperiksaan sekolah itu bergantung kepada banyak faktor. Sejauh manakah faktor kurikulum itu penting dibandingkan dengan faktor-faktor lain adalah memerlukan kajian yang sistematis, saintifik, teliti dan mendalam.

Seperti yang telah saya katakan tadi bahawa tajuk kertas ini sebenarnya merupakan suatu *tajuk penyelidikan* (Research Topic). Tujuan sesuatu penyelidikan itu ialah untuk mendapatkan beberapa maklumat yang sah bagi menjawab beberapa soalan seperti berikut:

1. Sejauh manakah kemahiran-kemahiran yang didapati oleh kanak-kanak di sekolah rendah itu dapat menjadi asas yang kukuh sebagai persediaan pelajaran?
2. Kalaualah kemahiran itu tidak menjadi asas yang kukuh bagi setengah kanak-kanak, hasil penyelidikan juga patut memberi maklumat mengenai kanak-kanak ini:

(a) Maklumat Latarbelakang

- (i) Latarbelakang ethnik, darjah sosio-ekonomi kanak-kanak.
- (ii) Latarbelakang sekolah dan kawasan tempat tinggal.
- (iii) Latarbelakang pendidikan ibubapa.

(b) Taraf Pencapaian

- (i) Bidang kemahiran asas yang kanak-kanak itu lemah.
- (ii) Taraf kemahiran yang didapati yang tidak memungkinkan ia terus mempelajari pelajaran berikutnya.

(c) Aspek Kuantitatif

- (i) Berapa ramaikah (peratus) kanak-kanak Melayu, Cina dan India dalam bandar/luarbandar dan sebagainya, yang tidak mencapai taraf pencapaian kemahiran 3M.

Selepas mendapatkan maklumat ini, kita perlu menyelidik apakah kaitan-kaitan kurikulum sekolah dengan kelemahan-kelemahan ini. Adalah perlu bagi kita untuk cuba menaksirkan sejauh manakah faktor kurikulum itu sebenar-benarnya menjadi satu faktor yang kritikal yang menyebabkan kelemahan ini. Ada kemungkinan faktor kurikulum itu menjadi faktor yang sangat penting, atau kurang penting atau tidak penting, yang menyebabkan sebahagian daripada kanak-kanak sekolah tidak dapat menguasai kemahiran asas, ataupun kemahiran asas kanak-kanak itu tidak menjadi kukuh.

Disebabkan tidak terdapatnya data-data dan maklumat-maklumat penyelidikan yang kemas dan teratur, maka agak susah bagi kita untuk membuat penetapan atau memberi pandangan dengan penuh yakin mengenai kurikulum darjah I hingga III tentang sejauh manakah ia memberi asas yang kukuh sebagai persediaan pelajaran.

Walau bagaimanapun penulis tidak berputus asa dan beliau telah cuba mendapat sedikit sebanyak maklumat mengenai kurikulum sekolah rendah dari beberapa orang guru dan gurubesar. Untuk mendapatkan maklumat ini penulis menyediakan soalselidik untuk mendapatkan pandangan beberapa orang guru sekolah rendah. Sayugia diingatkan bahawa kajian ini tidaklah dijalankan secara sistematis dan saintifik, sebaliknya ia hanya merupakan *kajian terokaan* (exploratory

study). Dengan itu segala pandangan yang diberikan tidak semestinya boleh digeneralisasikan kepada seluruh negeri. Kajian ini juga bukanlah merupakan *penyelidikan Penilaian Kurikulum* tetapi merupakan *tinjauan awal* pendapat beberapa orang guru untuk menentukan samada masalah ini benar-benar wujud.

Dalam soalselidik itu penulis bertanya:

“Pada fikiran anda sejauh manakah kurikulum sekolah rendah sekarang (darjah I hingga III) menjadi asas yang kukuh sebagai persediaan pelajaran?”

Jawapan	Bilangan (N)	Peratus
AMAT KUKUH	—	0
KUKUH	21	43%
SEDERHANA	26	54%
TIDAK KUKUH	1	3%
JUMLAH	48	100%

Penguasaan Bahasa

1. Masalah Penguasaan Bahasa Malaysia

Daripada tinjauan umumnya, penulis mendapati bahawa sebahagian daripada kanak-kanak di sekolah adalah *lembam*. Konsep *lembam* ini bermaksud kanak-kanak itu tidak dapat menguasai *3M* dengan sempurna seperti mana yang sepatutnya dicapai pada sesuatu tingkat itu. Mereka ini kerap kali tidak dapat membaca langsung atau taraf kemahiran bacaan mereka terlalu rendah. Juga mengenai kelemahan kemahiran bacaan ini guru sekolah telah memberi beberapa pendapat seperti berikut :

(a) Masalah sukanan Pelajaran

- (i) Bahan-bahan pengajaran Bahasa Malaysia tidak disusun mengikut urutan yang rapi (sequence) dan tidak diseragamkan, seperti mana yang terdapat dalam sukanan pelajaran Bahasa Inggeris.
- (ii) Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia, iaitu kaedah pandang-sebut seperti yang diamalkan sekarang ini tidak begitu berkesan dan mungkin tidak sesuai bagi setengah kanak-kanak. Kaedah lama iaitu Kaedah mengenal abjad, sukukata, perkataan, rangkai-kata itu mungkin lebih berkesan.
- (iii) Dalam jadual waktu sekolah tidak ada peruntukan khas yang ditetapkan bagi pelajaran *bacaan*.
- (iv) Pada keseluruhannya peruntukan masa/waktu Pelajaran Bahasa Malaysia di darjah I hingga III tidak mencukupi.
- (v) Bahan bacaan dan rujukan tambahan dalam Bahasa Malaysia sangat berkurangan, lebih-lebih lagi bagi sekolah-sekolah di luarbandar.

(b) Masalah Pengajar dan Pengajaran

- (i) Ada guru biasa yang kurang mahir dan tidak mempunyai latihan khas dalam pengajaran dan pengajaran Bahasa Malaysia. Ramai guru-guru Bahasa Malaysia yang dilatih secara am untuk semua matapelajaran terutama sekali di sekolah jenis kebangsaan.

- (ii) Ramai guru-guru yang tidak menggunakan kaedah mengajar yang dipelajari di maktab-maktab latihan.
- (iii) Kerap kali pengajaran Bahasa Malaysia disampaikan dalam loghat daerah tempatan, sedangkan peperiksaan awam dan penilaian itu dijalankan dalam Bahasa standad.
- (iv) Guru yang sama mengajar kebanyakan daripada matapelajaran sepanjang hari; ini men-jemukan/membosankan guru-guru dan murid-murid.

(c) Masalah Pelajar

Kelemahan disebabkan latarbelakang keluarga dan suasana di rumah.

- (i) Keluarga buta huruf.
- (ii) Tidak berlampaу (eletrik).
- (iii) Tidak pandai berbahasa Malaysia dengan fasih.
- (iv) Kanak-kanak tidak bercakap dalam Bahasa Malaysia di rumah.

(d) Masalah Umum

- (i) Kurang penumpuan yang sepenuhnya terhadap pelajaran Bahasa Malaysia sepetimana yang dilakukan pada matapelajaran Sains dan Hisab.
- (ii) Tumpuan hanya kepada Bahasa Inggeris saja.
- (iii) Tidak ada satu yunit khas untuk mengelolakan pembelajaran Bahasa Malaysia seperti menyediakan panduan rancangan pelajaran sama seperti dalam Sains dan Hisab.

2. Taraf Pencapaian Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

Dalam kajian penerokaan penulis, timbul juga beberapa masalah yang dihadapi oleh murid-murid sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dalam usaha mereka mempelajari Bahasa Malaysia. Harus disedari di sini bahawa status Bahasa Malaysia di sekolah rendah jenis kebangsaan seringnya bukananya bertaraf sebagai bahasa kedua (second language) seperti yang dijangkakan. Kita sedia maklum bahawa bahasa pertama kanak-kanak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu ialah bahasa ibunda (mother tongue). Umum mengetahui bahawa bagi sesetengah kanak-kanak China, bahasa ibunda merupakan dialek-dialek (loghat) tertentu seperti dialek Hokkien, Teochew, Kanton, dan sebagainya dan Bahasa Mandarin yang dipelajari di sekolah seolah-olah merupakan bahasa yang kedua. Di zaman peralihan ini penggunaan dan peranan Bahasa Inggeris masih meluas; oleh itu biasanya Bahasa Inggeris menjadi bahasa yang ketiga. Kemudian mereka terpaksa pula belajar Bahasa Malaysia yang pada hakikatnya merupakan bahasa yang keempat. Di sini timbul kemosyikilan kita tentang kesanggupan kanak-kanak semuda ini mempelajari tiga atau empat sistem bahasa yang berlainan. Disebabkan kanak-kanak ini disogokkan dengan tiga atau empat sistem nahu yang berlainan, maka kekacauan, kekeliruan dan gangguan nahu (grammatical interference), perbendaraan kata, dan ejaan di antara berbagai bahasa itu akan timbul pada kanak-kanak. Oleh kerana kegangguan sistem nahu di antara berbagai bahasa itu, maka usaha pembelajaran akan terjejas akibat dari timbulnya kekacauan di dalam fikiran kanak-kanak. Sebagai akibatnya, penguasaan kesemua bahasa yang dipelajari itu akan menjadi lemah *ataupun* penguasaan Bahasa Malaysia yang digunakan sebagai bahasa ketiga atau keempat turut juga merosot. Kalau lauh hakikat ini benar-benar berlaku, maka perlulah kita mengkaji semula kurikulum sekolah rendah sama ada kanak-kanak kita telah dibebankan dengan tugas mempelajari berbagai-bagi bahasa lebih daripada kemampuan kognitif mereka pada umur yang sangat muda ini.

Melalui kajian terokaan itu, penulis telah mengumpulkan pendapat beberapa orang guru mengenai beberapa kelemahan pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Antaranya:

- (a) Disebabkan Bahasa Malaysia di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu bertaraf hanya sebagai bahasa yang kedua (kadang-kadang bahasa yang ketiga dan keempat) maka ada

kemungkinan ia *memerlukan sukanan pelajaran yang khusus* yang agak berlainan dari pada sukanan pelajaran Bahasa Malaysia sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama.

- (b) Pelajaran Bahasa Inggeris patut diperkenalkan kepada murid lewat di pertengahan masa sekolah rendah ataupun bermula hanya pada peringkat sekolah menengah seperti yang pernah disyorkan oleh Atan Long (1970).

3. Masalah Pelajaran Bahasa Inggeris

Dalam membincangkan kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris pula Omar Hashim (1978) berpendapat bahawa di zaman peralihan ini kita pasti akan mengalami beberapa masalah kemerosotan penguasaan Bahasa Inggeris. Sebelum ini Bahasa Inggeris bukan sahaja diajarkan sebagai suatu matapelajaran bahkan juga menjadi bahasa pengantar kepada pengajaran matapelajaran yang lain. Oleh yang demikian pembelajaran matapelajaran-matapelajaran dalam Bahasa Inggeris itu dapat menyokong penguasaan Bahasa Inggeris itu sendiri. Maka sudah tentu pencapaian Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa utama yang digunakan di sekolah dan di luar sekolah itu agak tinggi. Sebaliknya, sekarang ini pelajaran Bahasa Inggeris itu diajarkan secara tersendiri sebagai bahasa yang kedua, dan di waktu peralihan ini kemerosotan itu kadang-kadang tidaklah dapat dilakukan.

Dalam hal pengajaran Bahasa Inggeris, beberapa orang guru telah pun memberikan pendapat mereka seperti berikut:

- (a) Sukanan Pelajaran Bahasa Inggeris untuk peringkat awal (Darjah I) itu sangat luas (unit 1-40). Murid-murid belum lagi mahir dengan huruf-huruf dan perkataan dalam bahasanya sendiri, manakan pula hendak menguasai Bahasa Inggeris.
- (b) Kaedah pandang-sebut (audio-aural) menjadikan murid tidak boleh membaca lebih daripada yang diajarkan oleh guru.
- (c) Bagi sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, pelajaran Bahasa Inggeris itu hanya ditawarkan pada darjah III dan ini sudah agak terlewati.
- (d) Peruntukan masa bagi pelajaran Bahasa Inggeris itu tidak mencukupi.

Pelajaran dan Pengajaran Sains dan Hisab

Di banyak negeri di dunia ini pelajaran Sains dan Hisab telah diberikan kedudukan yang utama di dalam kurikulum sekolah. Kepentingan Sains dan Hisab di sekolah menengah tidaklah diragui lagi di dunia moden ini. Sebenarnya pelajaran Hisab yang diajarkan di sekolah rendah itu kerap kali tidaklah dianggap sebagai pelajaran Hisab oleh ahli Ilmu Matematik. Ianya hanya dianggap sebagai Ilmu Kira-Kira. Isi kandungan Ilmu Kira-Kira ini merupakan “*pengetahuan biasa*” yang perlu diketahui oleh setiap orang supaya ia tidak “buta nombor”.

Teori psikologi mengenai perkembangan kognitif kanak-kanak yang banyak mempengaruhi amalan pendidikan Pelajaran Hisab telah dipengaruhi oleh teori-teori Piaget, Bruner, Ausubel dan Gagné. Kita sedia maklum bahawa kanak-kanak yang kita ajar itu, walaupun sebaya umurnya, mereka mempunyai kebolehan yang berbeza-beza. Mengikut Piaget setengah kanak-kanak pada se-suatu peringkat tertentu tidak/belum berupaya untuk meresapkan (*assimilate*) sesuatu konsep. Disebabkan kita tidak cukup sabar lagi untuk menunggu supaya kanak-kanak itu dapat bersedia maka kita berikan kepadanya bahan-bahan hisab yang kita *fikirkan mustahak* dan *penting*. Kita fikirkan bahawa Ilmu Hisab itu suatu *body of knowledge* yang mesti kita sogokkan dan kanak-kanak mesti menerimanya. Yang kita lupa ialah apa yang diterima oleh kanak-kanak itu tidak menyerupai apa yang disogokkan, dan kadang-kadang itu hanya hafalan sahaja.

Dalam kajian terokaan kecil itu, penulis juga cuba mendapatkan pendapat dan pandangan guru mengenai pelajaran Sains dan Hisab. Berikut ini diperturunkan pendapat mereka mengenai kelemahan yang terdapat di dalam kurikulum sekolah rendah I – III khususnya mengenai pelajaran Sains dan Hisab:

1. Matapelajaran Sains sekarang ini diajarkan secara terlalu formal. Ilmu kejadian (Nature Study) mungkin lebih sesuai.

2. Bidang pelajaran Sains/Hisab agak terlalu luas dan terlalu banyak topik untuk kanak-kanak darjah I – III. Dalam pelajaran Hisab misalnya ukuran berat, timbaangan dan pecahan tidak sepatutnya dimulakan dari darjah II. Dalam pelajaran Sains tajuk mengenai angkasa raya (planet) patut ditinggalkan dahulu.
3. Konsep dan istilah-istilah yang digunakan dalam bahan pengajaran/pembelajaran Ilmu Sains terlampau tinggi untuk kanak-kanak memahaminya.
4. Guru-guru yang mengajar Ilmu Sains dan Hisab tidak mempunyai latihan dalam mengajar Sains dan Hisab, dan mereka juga tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang isi kandungan matapelajaran ini.
5. Terlalu banyak kaedah yang digunakan hingga murid-murid tidak dapat mengikutinya. Kaedah baru seperti yang diamalkan sekarang mengelirukan murid-murid. Ramai guru-guru belum menerima latihan kaedah baru.
6. Pengajaran Sains dan Hisab yang dijalankan melalui Televisyen dan Radio tidak memberi kesan yang memuaskan kerana masalah kelemahan penguasaan bahasa.
7. Dalam pelajaran Hisab, asas kemahiran *mengira* tidak banyak ditekankan. Latihan congak dan sifir patut ditekankan.

Saranan Umum Kurikulum Sekolah Rendah I – III

1. Bidang kurikulum tersangat luas, merangkumi perkara-perkara yang kurang menjadi asas (penting). Contoh:
 - (a) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan boleh digabungkan menjadi satu matapelajaran.
 - (b) Matapelajaran kajian tempatan, Sains dan Bahasa Inggeris patut dimulakan dari darjah II, apabila murid sudah sedikit sebanyak menguasai kemahiran 3M.
2. Kebanyakan guru-guru tidak mempunyai latihan yang khusus dalam matapelajaran-matapelajaran diajar oleh mereka.

Penggunaan Peperiksaan dan Ujian Sebagai Penilaian Formative

Mengikut Omar Hashim (1978), Ujian Darjah III (UDT) dirancang khas untuk memberi maklumat-balik (feed-back) ke sekolah-sekolah tentang kekuatan dan kelemahan murid-murid dalam matapelajaran asas. Tujuan utama Ujian Darjah III (UDT) ini ialah untuk membolehkan guru-guru menjalankan kerja-kerja pemulihan pada murid-murid yang didapati belum memperolehi penguasaan yang cukup dalam kemahiran asas. Pada hakikatnya ujian ini merupakan ujian *berorientasikan kriteria* (criterion-oriented test). Konsep ini baik sekali kerana guru-guru akan mendapat maklumat di peringkat awal tentang penyebaran kebolehan dan kelemahan kanak-kanak. Dengan maklumat ini mereka dapat bertindak segera untuk mengatasi kelemahan kanak-kanak sebelum terlewat, dan sebelum kelemahan ini menjadi bertambah rumit (cumulative deficiency). Mengikut Omar, konsep ini pada asalnya merupakan suatu inovasi pendidikan yang baik tetapi telah tidak difahami sepenuhnya oleh pihak sekolah. Sebenarnya tanpa UDT pun maklumat tentang kelemahan dan kekuatan kemahiran murid-murid itu dapat diketahui oleh pihak guru dan pihak sekolah melalui kerja pengajaran sehari-hari dan melalui penilaian selanjar (continuous assessment); tetapi maklumat dari penilaian selanjar seperti ini tidaklah dapat diperbandingkan dengan norma pencapaian nasional.

Pengajaran dan Perbezaan Individu (individual differences)

Konsep *perbezaan individu* itu kerap kali berkait rapat dengan ide mengenai perbezaan *bakat* (aptitude) di kalangan murid-murid. Konsep bakat di sini bermaksud keupayaan, potensi atau kebolehan untuk mempelajari sesuatu daripada latihan dan pengajaran yang dialaminya. Biasanya bagi kita konsep bakat itu difahamkan sebagai keupayaan kanak-kanak untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman di dalam sesuatu bidang usaha manusia. Kerap kali bakat

itu diukur dari segi kemungkinan kanak-kanak itu mencapai kejayaan di dalam bidang tertentu di masa hadapan. Apabila kita katakan bahawa seseorang kanak-kanak itu berbakat dalam hisab, sebenarnya kita bermaksud bahawa ia mempunyai keupayaan untuk mencapai kejayaan dalam matapelajaran tersebut. Dalam tahun lima dan enam puluhan, ramai ahli psikologi yang percaya bahawa bakat seseorang itu adalah sesuatu yang semulajadi (*innate*). Maksudnya, *keturunan* dan *baka* merupakan faktor utama yang menentukan bakat; tetapi dalam tahun tujuh puluhan ramai ahli psikologi yang berpendapat selain daripada faktor *baka* dan *keturunan*, faktor-faktor *pengalaman* persekitaran (environment) juga penting dalam menentukan bakat seseorang itu. Antara faktor pengalaman di persekitaran itu ialah pelajaran yang telah dipelajari, pencapaian atau kejayaan terdahulu dan pengalaman-pengalaman lain, samada yang dialami secara formal ataupun tidak formal.

Penulis juga tertarik dengan pendapat Khairiah Ahmad (1979) yang berpendapat bahawa guru-guru di Malaysia hari ini secara umumnya masih mengamalkan pengajaran *Whole-Class*. Pendekatan seperti ini tidak sesuai dan tidak berkesan kerana ia tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan kanak-kanak yang berbeza antara satu sama lain. Kini sudah banyak yang dikaji dan dituliskan mengenai perbezaan individu serta implikasinya untuk para guru. Dalam keadaan demikian amalan tradisional yang berteraskan andaian bahawa semua kanak-kanak sebaya adalah sama dari semua segi itu jelas tidak patut diteruskan (Khairiah, 1979).

Menurut pandangan beliau sistem pendidikan berbentuk lock-step di negara ini jelas mempunyai kelemahannya. Untuk memudahkan pentadbiran sekolah, kanak-kanak digolongkan mengikut umur kronologi kerana mereka dianggap sebagai mempunyai kebolehan dan gaya pembelajaran yang sama sahaja. Kegiatan dan isi pelajaran untuk mereka disusun dan disukat dengan rigid. Kanak-kanak yang paling malang ialah kanak-kanak lembab dan kanak-kanak bergeliga. Kanak-kanak ini tidak dapat belajar mengikut kadar dan kemampuan masing-masing – yang lembab ketinggalan, yang bergeliga juga ketinggalan – iaitu pembelajarannya tidak sejarar dengan kebolehannya.

Untuk memudahkan pentadbiran juga, kita terpaksa melaksanakan sistem *naik darjah secara otomatik*. Di dalam sistem naik darjah otomatik ini tidak dipertimbangkan *perbezidan perbezaan individu* dari segi penguasaan kemahiran asas *3M*. Kekurangan yang terdapat pada suatu peringkat dibawa ke peringkat berikutnya dan kelemahan-kelemahan yang kumulatif makin bertambah banyak. Ramai juga kanak-kanak darjah VI yang hanya mempunyai kemahiran asas peringkat darjah III. Di atas tadi penulis telah mengemukakan beberapa pendapat guru-guru mengenai kurikulum sekolah Darjah I – III. Benarkah kurikulum sekolah rendah itu terlampaui sesak, banyak matapelajaran, banyak topik, konsep dan istilah yang tinggi, kaedah-kaedah yang mengejirukan dan sebagainya? Sejauh manakah pendapat yang diutarakan itu benar, memerlukan satu kajian yang teliti? Disebabkan terdapatnya variasi dalam perbezaan individu di antara kanak-kanak berdasarkan sekolah, tempat, keluarga, suasana, bakat dan kecerdasan otak yang berlainan, maka taraf pencapaian sesuatu kurikulum juga berlainan. Untuk mengatasi masalah ini kita perlu bertaanya, adakah kumpulan murid-murid atau sekolah yang berlainan latarbelakang kanak-kanak memerlukan *kurikulum pelbagai peringkat* (multiple-level curriculum) atau *kurikulum serupa-kandungan* (common-content curriculum) bagi keperluan kanak-kanak yang berbeza?

Mengenai hal ini penulis tertarik hati dengan pandangan yang diutarakan oleh Awang Had Salleh. Mengikut Awang Had Salleh (1971), kurikulum sekolah rendah kita dirangka untuk memenuhi keperluan sekolah menengah; dan kurikulum sekolah menengah pula perlu untuk memenuhi keperluan universiti. Akibatnya maka “murid-murid yang cekap dan pandai mendapat penghargaan dari guru, sedangkan kepentingan murid-murid lemah yang tidak merupakan calon pendidikan tinggi diabaikan.” (m.s.9). Mengenai pendidikan yang serupa dengan pendidikan umum sekarang ini Awang Had bertanya,

1. Apakah kegiatan di sekolah-sekolah rendah itu sepatutnya bertujuan memberi pelajaran ataukah memberi pendidikan?
2. Jika yang hendak diberikan itu ialah pendidikan, apakah pendidikan itu sepatutnya pendidikan umum ataukah pendidikan asas?

Awang Had merasakan bahawa seolah-olah tidak ada imbangan (balance) di antara keperluan kurikulum berorientasikan menegak (vertical) dan keperluan kurikulum berorientasikan mendatar (horizontal). Katanya kurikulum kita sekarang ini terlampaui mementingkan keperluan orientasi menegak, dan mengakibatkan:

1. Ia amat sesuai dengan murid-murid yang berkebolehan untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.
2. Ia memenuhi hanya sebahagian sahaja keperluan murid-murid yang tidak akan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Awang Had seterusnya menegaskan bahawa anggapan yang dibuat waktu menyediakan kurikulum *pendidikan umum* ialah bahawa yang perlu diajar ialah kecekapan dan kemahiran yang paling *asas* untuk membolehkan pembelajaran ilmu pengetahuan yang lebih tinggi pada peringkat persekolahan yang lebih tinggi. Itu suatu pengertian asas. Pengertian *asas* yang lain bagi Awang Had ialah *pengetahuan yang asas bagi penghidupan*. Bagi orang yang kurang bernasih baik yang merupakan peratusan yang besar, kemahiran asas sangat diperlukan bukan lagi untuk mencapai ilmu ke peringkat tinggi di Maktab dan Universiti, tetapi untuk kehidupan praktik dalam kehidupan mereka, seperti mengisi borang permohonan kerja, mengira untung rugi jualan kuih, jualan getah, dan padi serta pinjaman bank (kurikulum berorientasi mendatar).

Oleh itu beliau mencadangkan pendidikan kita perlu memberi *dua* jenis pengetahuan dan kecekapan asas:

1. Ia memberikan pengetahuan dan kemahiran asas untuk mempelajari pengetahuan dan kecekapan yang lebih tinggi kelak. Dengan kata lain ia memberikan kecekapan untuk meneruskan usaha pembelajaran yang lebih lanjut. (Orientasi ke atas atau menegak).
2. Ia memberikan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan dalam penghidupan. (Orientasi ke tepi atau melintang).

Saranan sistem pendidikan dan penekanan aspek-aspek kurikulum Awang Had ini, mudah sekali dituduh sebagai mengandungi unsur-unsur dan kecenderungan elitisme, tetapi tendensi elitisme ini mungkin tidak dapat dielakkan dalam masyarakat yang makin bertambah kompleks, yang tidak mempunyai peluang dan corak hidup yang sama.

Kurikulum dan Perbezaan Individu

Telah kita sebutkan sebentar tadi bahawa perbezaan individu itu adalah hakikat yang sebenar. Perbezaan ini terjelma di dalam gaya kognitif, emosi, perasaan, minat, kecerdasan, bakat dan sebagainya yang juga ditentukan oleh faktor luar sekolah. Faktor-faktor inilah yang mempengaruhi keupayaan dan kemampuan kanak-kanak mendapat tingkat pencapaian yang berbeza-beza.

Kalauolah sekolah dan guru-guru benar-benar mengikuti secara terperinci apa-apa yang terkandung di dalam sukanan pelajaran maka kanak-kanak yang lemah akan menjadi mangsa.

Salah satu daripada implikasi kurikulum mengenai perbezaan individu atau kumpulan individu ialah kaedah pengajaran yang sesuai haruslah dipilih untuk mewujudkan pembelajaran yang optima. Kaedah ini bergantung kepada peringkat kanak-kanak menguasai sesuatu konsep.

Sylvia Opper (1977) dalam kajiannya mengenai *Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak Malaysia* telah menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang seragam tidak mungkin memberi kejayaan yang optima di dalam sesuatu bilikdarjah yang mengandungi kanak-kanak yang berlainan tingkat "kematangan kognitif" (cognitive maturity) mengenai konsep-konsep tertentu. Dalam hal ini, Opper menyarankan yang guru-guru haruslah menjalankan usaha penilaian selanjar (continuous assessment) dan berikhtiar menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang bersesuaian bagi peringkat ilmu yang berlainan.

Untuk mengatasi setengah-setengah daripada masalah bersabit dengan perbezaan individu ini maka rancangan pengajaran imbuhan dan pemulihan patutlah dijadikan sebahagian daripada tugas

dan kegiatan sekolah lebih-lebih lagi di peringkat rendah sekolah rendah. Di Amerika Syarikat, beberapa tahun yang lalu Kerajaan Pusat telah menyediakan satu peruntukan khas yang dinamakan *Rancangan Title I* untuk membantu sekolah mengambil *guru-guru khas* bagi mengajar kelas-kelas imbuhan dan pemulihan.

Masalah Interaksi

Mengikut Averch (1972) banyak kurikulum baru sekolah-sekolah di Amerika Syarikat telah dinilaikan semula dan kerap kali perbezaan kesan di antara kurikulum-kurikulum baru dan yang *conventional* itu sangatlah kecil dan biasanya *kaedah lama* itu didapati lebih berkesan. Di dalam penilaian ini kerap kali terdapat interaksi di antara kebolehan (*ability*) kanak-kanak dan ukuran pembelajaran bagi kurikulum yang berlainan. Contohnya kanak-kanak yang rendah kebolehan-nya (*low ability*) atau bakatnya (*aptitude*) mungkin dapat belajar dengan lebih berkesan dengan menggunakan kurikulum yang tradisional bagi sesuatu aspek pembelajaran tetapi lemah dalam kurikulum yang baru. Bagi kanak-kanak lain, kurikulum baru itu memberi pencapaian yang lebih tinggi.

Westbury (1970) telah membuat rumusan dari hasil kajian Heron (1969) yang menunjukkan bagaimana salahfaham di pihak guru-guru mengenai sesuatu rancangan pengajaran mungkin mengakibatkan kejayaan atau kegagalan rancangan itu.

Penutup

1. Disebabkan kita belum lagi mendapat maklumat butir dan data-data penyelidikan yang sah, maka belumlah dapat kita menilaikan sejauh manakah kelemahan pencapaian kognitif *3M* itu wujud di kalangan murid-murid sekolah rendah. Maklumat yang didapati sekarang terlalu *scanty* dan *sketchy*. Apa yang terdapat di kalangan orang ramai ialah perasaan bimbang, ragu dan panik disebabkan kepercayaan mereka yang taraf pelajaran kanak-kanak sekolah makin merosot. Kita memerlukan maklumat penyebaran kelemahan tersebut di kalangan murid-murid dari segi jenis sekolah, kawasan sekolah, latarbelakang ethnik dan sosioekonomi murid-murid dan sebagainya. Penulis percaya usaha penyelidikan yang lengkap dan meluas (*comprehensive*) ini telah dimulakan oleh Kementerian Pelajaran dan kita ingin menggesa supaya usaha penyelidikan ini dipercepatkan lagi supaya tindakan-tindakan membaikinya dapat dijalankan seberapa segera.
2. Setelah kita mendapatkan maklumat-maklumat ini, kita perlu juga menaksirkan sejauh manakah kelemahan kemahiran asas *3M* itu disebabkan oleh kelemahan yang terkandung (*inherent*) dalam kurikulum sekolah kita hari ini?
3. Bersabit dengan masalah yang timbul dari masalah perbezaan individu maka adalah disarankan supaya usaha pendidikan imbuhan dan pemulihan dijadikan sebahagian daripada kegiatan setengah sekolah dengan peruntukan tambahan dan latihan khas bagi guru-guru tertentu.
4. Guru-guru sekolah hendaklah difahamkan tentang tujuan Ujian Darjah III dan Ujian Penilaian Darjah V iaitu sebagai suatu sumber maklumat-balik (*feedback*) untuk guru bertindak menjalankan pengajaran imbuhan dan pemulihan sebelum kelemahan kanak-kanak itu menjadi kumulatif.
5. Saya percaya bahawa kelemahan sesuatu isi kandungan kurikulum lebih mudah diperbaiki daripada kelemahan pengajaran oleh guru-guru sekolah. Walaupun kelemahan pengajaran guru kerap kali dipengaruhi oleh faktor isi kandungan kurikulum, namun aspek-aspek kandungan kurikulum dapat diubah *overnight*. Namun demikian, yang paling susah untuk diubah ialah sikap, tabiat guru-guru sekolah. Walau seberapa banyak pengalaman atau latihan prakursus, dalam-kursus diberikan, perubahan sikap dan tabiat memerlukan tindakan pentadbiran, tindakan disiplin, dan penyeliaan yang rapi yang bersungguh-sungguh serta adil dan saksama dari pihak pentadbir dan orang ramai.

6. Akhir kata penulis ingin mengemukakan suatu persoalan mengenai peranan sekolah sebagai agen perubahan sosial. Mampukah sekolah memberi persamaan (equality) kepada sesuatu yang sebenarnya tidak sama di dalam masyarakat luar sekolah? Kepada penulis apa yang dapat sekolah lakukan mungkin memberi sepenuh-penuhnya peluang-peluang pelajaran dan pendidikan yang sama pada semua kanak-kanak. Janganlah difikirkan dengan peluang-peluang pelajaran yang sama ini, maka semua kanak-kanak akan dapat mencapai kejayaan yang sama di dalam mahupun di luar sekolah iaitu di dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa pencapaian kanak-kanak di sekolah banyak sekali bergantung kepada faktor-faktor luar-sekolah yang sekolah tidak mampu mempengaruhinya. Dengan ini penulis bermaksud bahawa kalaular kita hendak mempersamakan pencapaian-pencapaian kanak-kanak di sekolah, maka kita juga haruslah, melalui tindakan-tindakan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, mempersamakan peluang-peluang kehidupan masyarakat umumnya yang di luar kekuasaan dan tanggungan institusi pelajaran. Sekolah, sebenarnya bukan sahaja agen perubahan sosial, tetapi sering juga ianya hanya mencerminkan struktur-struktur dan keadaan-keadaan masyarakat kita yang sebenarnya.

Nota

¹Naskah asal kertas ini disediakan untuk perbincangan di dalam seminar "mesyuarat agung pengelola sekolah-sekolah Semenanjung Malaysia, Sabtu 29hb. Sep. 1979", RECSAM, Gelugor, Penang.

Rujukan

- Atan Bin Long. *Satu Penyiasatan Berhubung Dengan Pengajaran Bacaan Permulaan Bahasa Melayu Kepada Murid-Murid Melayu Yang Normal Yang Berumur di antara Enam dengan Tuju Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1970.
- Averch, H. et. al., *How Effective Is Schooling? A Critical Review and Synthesis of Research Findings*. Santa Monica, California: Rank Corporation, 1972.
- Awang Had Salleh. "Pelajaran Ataukah Pendidikan? Dan Pendidikan Umum ataukah Pendidikan Asas". *Pelajaran Atau Pendidikan*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Pelajar MPSI, 1977.
- "Kelemahan Membaca", Kertaskerja yang dibaca di Seminar Pembacaan, Anjuran Jabatan Pelajaran Kedah, Alor Setar, 1979.
- Block, James H.. *Mastery Learning, Theory And Practice*. New York: Holt Rinehart, and Winston, Inc., 1971.
- Chang Kwai. "Science And Mathematics Teaching in Schools – What's New". Unpublished paper, 1974.
- Eggleson, John. *The Sociology of the School Curriculum*. London: Routledge & Kegan Paul, 1977.
- Esah Hj. Abdullah. "Pertumbuhan Kecerdasan: Kaitannya Dengan Baka & Alam Sekitar". *Dewan Masyarakat*, jilid XVI, Bil. 6, 15 Jun, 1978.
- Gagne, R.M.. *Learning And Individual Differences*. Columbus, Ohio: Charles Merill Books, 1967.
- Heron, M.D.. "The Nature of Scientific Enquiry as seen by Selected Philosophers, Science Teachers and Recent Curricular Materials". Unpublished Doctrol Dissertation, University of Chicago, 1969.
- Howson, A.G.. (Ed.) *Developing A New Curriculum*. London: Heinemann, 1972.
- Omar Hashim. "Pelajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Dalam Konteks Peralihan Bahasa Penghantar Di sekolah Rendah". *Dewan Bahasa*, Jil. 22, Bil. 11, 1978.
- Ling Chu Poh. "Research And Curriculum Development In A Progressive Society: The Malaysian Context". *Journal Kementerian Pelajaran Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1973.
- Opper, Sylvia. *Cognitive Development of Malaysian Children; A Research Report to the Director, Curriculum Development Centre, Ministry of Education, Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1977.
- Safiah Osman dan Khairiah Ahmad. "Kajiselidik Contoh untuk menentukan minat dan selera membaca kanak-kanak sekolah rendah di Malaysia". *Dewan Masyarakat*. Jilid XVI, Bil. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 15 Julai, 1978.
- Saylor, J.G. and W.M. Alexander. *Planning Curriculum for Schools*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc. 1974.
- Westbury, I.. "Curriculum Evaluation". *Review of Educational Research*, 40, 1970, 239-260.